

06/07/2002

Jentera Umno bersedia hadapi pilihan raya

MARAN, Jumaat - Jentera Umno sudah bersedia dan mempunyai strategi terbaik bagi menghadapi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, Kedah.

Naib Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata strategi itu bagi menangkis serangan Pas, termasuk kemungkinan parti itu meraih simpati kematian penyandang jawatan, Allahyarham Datuk Fadzil Noor yang juga Presiden Pas, 23 Jun lalu.

"Bagi Umno, kita tidak akan mengeksploitasikan perkara seperti itu, sebaliknya akan memberi keutamaan isu pokok," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sukarelawan Pemantauan Harga (SPH) peringkat Pahang dan Penubuhan Kelab Pengguna Komuniti kawasan Jengka di Dewan Besar Universiti Teknologi Mara (UiTM), di Bandar Jengka dekat sini, hari ini.

Muhyiddin berkata, jentera Umno perlu bergerak secara bersepadu dan akan memastikan setiap pengundi dilawati.

"Setiap rumah kita pergi, walaupun kita mengetahui ia kubu pembangkang," katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna berkata, jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bertanggungjawab memantau persiapan menghadapi pilihan raya kecil itu.

"Kita juga sudah membuat penyelarasan dengan jawatankuasa peringkat negeri yang dipengerusikan semua Menteri Besar. Begitu juga jentera Pemuda, Wanita dan Puteri juga sudah mula bergerak, cuma kempen belum bermula," katanya.

Mengenai isu pembentukan negara Islam yang mungkin digunakan Pas kali ini, Muhyiddin berkata:

"Kita tidak menolak kemungkinan Pas akan mengambil kesempatan membentangkan konsep negara Islamnya dan mereka perlu beritahu apa yang dia nak buat.

"Kita nak tengok dan mencabar Pas supaya melancarkan konsep itu kerana kebetulan kawasan itu adalah kawasan bekas presiden parti berkenaan," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyebut kemungkinan Naib Presiden, Datuk Seri Najib Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau berkata:

"Seboleh-bolehnya saya nak mengelak daripada membuat tafsiran terhadap kenyataan itu kerana tidak pakar dalam hal itu.

"Saya tak nak spekulasi kerana kalau saya buat spekulasi apa yang dimaksudkan itu, mungkin ada yang rasa tersinggung dan mengatakan tafsiran saya tidak betul," katanya.